

Nasihat PM pada wakil2 rakyat BN

Jangan kecewa jika digugur

UM 24 JUN 1990

JELEBU 23 Jun — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan wakil - wakil rakyat, Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang mungkin digugurkan dari bertanding dalam pilihanraya umum akan datang supaya jangan kecewa dan sebaliknya hendaklah terus memberi sokongan kepada parti.

Ini kerana mereka sendiri pernah disokong orang lain sehingga memperoleh kedudukan itu, katanya.

Bercakap kepada para pemberita di upacara perletakan batu asas stesen penyelidikan MARDI di sini, beliau menjelaskan

pemilihan calon - calon baru adalah perkara biasa dalam tiap pilihanraya demi mengimbangi kedudukan calon - calon.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah ada di antara wakil-wakil rakyat yang tidak terpilih semula begitu kecewa sehingga sanggup menyokong parti lawan dan memburuk-burukkan parti lama mereka.

Sebelum itu dalam ucapannya di hadapan lebih 2,000 orang penyokong Barisan Nasional (BN) dalam lawatan separuh hari ke Parlimen Jelebu di Dewan Orang Ramai Triang Hilir dekat sini pula beliau berkata para penyokong BN tidak boleh menilai seseorang calon itu pada batang

tubuhnya tetapi mereka hendaklah menyokong kerana perjuangan parti itu.

"Walaupun calon-calon yang dipilih oleh parti tidak disukai oleh sesetengah penyokong BN tetapi mereka perlu menerima keputusan itu demi kejayaan parti," ujarnya.

Perdana Menteri juga menarik perhatian bahawa beliau akan terus menyokong parti walaupun telah bersara dari politik bagi menguatkan kestabilan parti.

"Kalau saya bersara saya tetap akan menyokong parti supaya parti yang pernah saya pimpin akan terus kuat," katanya serta disambut dengan terpujukan gemuruh.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu ada pemimpin parti yang telah bersara tidak lagi menyokong kerajaan sebaliknya menyokong parti lain.

Perdana Menteri sambil berseloroh berkata beliau akan meletakkan jawatannya apabila sampai masanya.

Sementara itu, Menteri Besar Dato' Haji Mohd. Isa Haji Abdul Samad dalam ucapannya pula berkata para penyokong UMNO dan BN perlu menerima apa-apa sahaja keputusan yang dibuat oleh parti terutamanya dalam pemilihan calon-calon.

Katanya dengan cara itu sahaja UMNO dan BN boleh menang dengan baik dalam pilihanraya umum kelak.

Beliau juga berkata jentera pilihanraya BN negeri telah bersiap sedia untuk menghadapi pilihanraya yang akan diadakan pada bila-bila masa sahaja dari sekarang.